



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Sebut Harga : <b>MPK 400-10/2/16</b> PEMBEKALAN, PEMASANGAN, PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN INFRASTRUKTUR SISTEM RANGKAIAN KOMPUTER MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2016.

TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p><b>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN KOD BIDANG 210101 dan 210102 dan 210105 dan 210107 &amp; BERDAFTAR DENGAN E-Tender SELANGOR &amp; UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</b></p>	<p><b>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</b></p> <p><b>TAKLIMAT :</b>  <b>TARIKH : 18/10/2016 (SELASA)</b>  <b>MASA : 9.00 pagi</b>  <b>TEMPAT : Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang</b></p> <p><b>Nota :</b>          Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.</p>	<p><b>MULAI : 19/10/2016 (RABU)</b></p> <p>Penjualan secara Online</p> <p>* Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web <a href="http://tender.selangor.gov.my">http://tender.selangor.gov.my</a> untuk melancarkan proses pembelian dokumen.</p>	<p><b>TARIKH TUTUP : 26/10/2016 (RABU)</b>  <b>WAKTU TUTUP : 12.00 Tengah Hari</b></p> <p>Bahagian Ukur Bahan          Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang          Selangor Darul Ehsan</p> <p><b>Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b></p>

**SYARAT-SYARAT :-**

1. Setiap dokumen Sebut Harga dijual dengan harga **RM 40.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara kredit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **19 OKTOBER 2016** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Penyebut Harga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan oleh (**CIDB**). Sekiranya gagal berbuat demikian penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebut harga tersebut.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti tertera di atas.
5. Penyebut Harga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Wakil yang hadir ke taklimat perlu membawa surat wakil dari syarikat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
7. Penyebut Harga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.
8. Penyebut Harga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat / lawatan yang akan diadakan pada **18 OKTOBER 2016** jam 9.00 pagi di Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
9. Penyebut Harga yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebut Harga.
10. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** atau **SALINAN Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dan Resit pembayaran E-Tender Selangor** semasa hari taklimat.
11. Penyebut Harga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebut Harga dan Syarat-syarat Membuat Sebut Harga di dalam Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan Sebut Harga. Jika dokumen Sebut Harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
12. Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
13. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebut harga adalah pada **25 OKTOBER 2016**. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :  
 BAHAGIAN UKUR BAHAN  
 MAJLIS PERBANDARAN KLANG